

22/05/2003

Pembiayaan pakej guna sumber kewangan dalaman

Mohd Azlan Jaafar; Abdul Halim Yusoff

PUTRAJAYA: Kerajaan tidak perlu mendapatkan pinjaman luar negara untuk membiayai Pakej Strategi Baru kerana sumber kewangan dalam negara mencukupi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pembiayaan pakej itu akan membabitkan peruntukan RM1.7 bilion daripada Kerajaan Pusat manakala Bank Negara Malaysia (BNM) akan menyediakan RM2 bilion.

Katanya, institusi kewangan pembangunan milik kerajaan seperti Bank Pertanian Malaysia (BPM), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Pembangunan dan Infrastruktur serta Bank Industri pula akan menyediakan RM3.6 bilion.

"Institusi berkenaan akan memperoleh sumber kewangan daripada lebihan kecairan di pasaran terutama daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)," katanya pada sidang akhbar selepas mengumumkan pakej itu di sini semalam.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, peruntukan Kerajaan Pusat itu akan meningkatkan sedikit defisit tetapi tidak akan menyebabkan kerajaan perlu meminjam dari luar negara.

"Defisit yang ditanggung masih dalam kawalan. Kerajaan mungkin meminjam menerusi terbitan bon, tetapi ia akan dibiayai oleh sumber kewangan dalaman.

"Sebagaimana kita tahu, Malaysia secara teknikalnya adalah sebuah negara yang kaya dengan tunai. Cuma ia tidak dimiliki kerajaan secara langsung, tetapi sebaliknya dimiliki pelbagai institusi termasuk KWSP, Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) dan Tabung Haji.

"Dengan ruang untuk pelaburan yang semakin terhad terutama pasaran saham yang tidak begitu menggalakkan, inilah masa yang sesuai untuk agensi berkenaan melanggan bon kerajaan. Tambahan pula ia menjanjikan pulangan yang berbaloi," katanya.

Perdana Menteri ditanya bagaimana kerajaan akan membiayai pakej itu serta sama ada Malaysia boleh bertahan dengan belanjawan defisit.

Beliau berkata, kerajaan terpaksa menanggung defisit kerana pakej itu perlu dilaksanakan untuk mengatasi masalah ekonomi yang disebabkan faktor luaran.

"Dengan itu, mungkin sukar sedikit untuk kerajaan memenuhi hasratnya merekodkan belanjawan seimbang menjelang 2005.

"Pakej ini perlu kerana walaupun pada peringkat dalaman keadaan kita OK, malah lebih baik daripada kebanyakan negara serantau lain, tetapi ini adalah untuk mengekang masalah disebabkan perkara luaran," katanya.

Perdana Menteri berkata, Pakej Strategi Baru bagi merangsang pertumbuhan

ekonomi negara itu akan menyebabkan kerajaan kehilangan sumber hasil sebanyak RM800 juta setahun berikutan pemberian galakan dan pelepasan cukai.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, kerajaan rela kehilangan sedikit pendapatan untuk mengurangkan beban menjalankan perniagaan dan menggalakkan rakyat berbelanja bagi menggerakkan kegiatan ekonomi domestik.

"Kesan limpahan daripada pakej ini akan membolehkan kerajaan mengutip semula pendapatan menerusi kutipan cukai daripada perniagaan yang maju dan untung," katanya.

Peruntukan RM1.7 bilion daripada Kerajaan Pusat menerusi pakej itu antara lain disalurkan untuk memperbaiki prasarana luar bandar, meningkatkan dana Tekun, menaik taraf rumah pangsa kerajaan dan suntikan modal kepada institusi kewangan pembangunan milik kerajaan.

Sementara peruntukan BNM sebanyak RM2 bilion akan disalurkan kepada pelbagai dana untuk memajukan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) manakala

Program Pinjaman daripada institusi kewangan pembangunan membabitkan peruntukan keseluruhan bernilai RM3.6 bilion disalurkan untuk pelbagai skim termasuk Skim Kredit Mikro, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Tabung Makanan dan Dana Prasarana Pelancongan.